



SIARAN MEDIA

MALAYSIA URBAN FORUM 2023 (MUF2023)

4 Hingga 8 November 2023 | Kuching, Sarawak

“Memangkin Tindakan Transformatif untuk Perbandaran Mampan dan Berdaya Tahan”

KUCHING, 7 November 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui agensi di bawahnya iaitu Urbanice Malaysia sedang menganjurkan **Persidangan Malaysia Urban Forum 2023 (MUF2023)** bermula 4 hingga 8 November 2023 di Kuching, Sarawak.

Majlis perasmian telah berlangsung pada pagi ini bertempat di Hikmah Exchange Event Centre, Kuching di mana ucapan perasmian **YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak** telah dibacakan oleh **YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan**, Timbalan Ketua Menteri / Menteri Pembangunan Bandar & Sumber Asli II dan Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak. Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM).

Bertemakan **“Memangkin Tindakan Transformatif untuk Perbandaran Mampan dan Berdaya Tahan”** atau *Catalysing Transformative Actions for Sustainable and Resilient Urbanisation*, Persidangan MUF2023 ini telah disertai oleh seramai 3800 peserta. Penganjur mensasarkan sehingga 5,000 orang penyertaan kerana forum ini adalah percuma dan terbuka kepada semua.

Menurut **YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg**, “Selaras dengan kadar perbandaran pesat 57 peratus di Sarawak dan 78 peratus di Malaysia, saya berharap semua pemegang taruh dapat mencari penyelesaian dan mempelajari daripada *‘best practices’* oleh mana-mana pihak sebagai usaha untuk bertindak dengan lebih efektif dan transformatif bagi mencapai pembangunan yang mampan dan berdaya tahan.”

Manakala **YB Tuan Nga Kor Ming** dalam ucapan aluannya turut menyatakan kepada semua ketua pemegang taruh tempatan untuk memainkan peranan penting dalam pembangunan semasa dan akan datang serta terus mempergiatkan usaha agenda kemampanan yang berbaki enam (6) tahun sahaja lagi sebelum berakhirnya tahun 2030.

Di majlis perasmian ini juga, **YBhg. Dato' Seri Paduka Maimunah binti Mohd Sharif**, Pengarah Eksekutif Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) turut menyampaikan video mesej tahniah ke atas Bandaraya Kuching yang menjadi tuan rumah MUF2023. Penghargaan juga turut diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memperlihatkan usaha serius menggerakkan agenda kemampanan yang hanya bukan di bandar tetapi mengambil kira kehidupan masyarakat di luar serta kawasan pinggir bandar Sarawak.

Malaysia Urban Forum 2023 mencatatkan persidangan terpanjang penganjuran selama **5 hari** bermula daripada **4 hingga 8 November 2023 dengan seramai 3800 orang telah mendaftar hadir**. MUF2023 ini telah diadakan di beberapa lokasi terpilih dengan pelbagai pengisian menarik sepanjang tempoh penganjurannya.

Pada 4 November 2023 di Pustaka Sarawak yang lalu, telah diadakan acara perhimpunan Akar Umbi (*Grassroots Assembly*), Wanita (*Women Assembly*), Belia (*Youth Assembly*), Akademia (*Academia Assembly*) dan Kanak-Kanak (*Children Assembly*). Acara diteruskan di **Old Courthouse Kuching pada 5 November 2023** yang melibatkan Perhimpunan Perniagaan (*Business Assembly*). Secara **keseluruhannya, seramai 1037 orang telah menghadiri perhimpunan 5 pemegang taruh** selama dua (2) hari tersebut.

Peserta MUF2023 turut menikmati acara ***Kuching Car Free Morning dan Lawatan Teknikal (City Events)*** pada **5 November 2023** seperti aktiviti *Fun Ride / Walk*, Sukan Rakyat, Senamrobik, *Autonomous Rapid Transit (ART) Ride*, *Kampung Heritage Trail* - Rumah Tan Sri Dato' Amar Abang Hj Ahmad Urai dan *Kuching City Heritage Tour di India Street, Carpenter Street & Borneo Cultures Museum*.

Persidangan MUF2023 diteruskan di Hikmah Exchange Event Centre (HEEC), Kuching pada 6 hingga 8 November 2023 yang menjadi tempat persidangan forum dengan aktiviti rasmi acara pembukaan dan penutup MUF2023, sesi utama dialog, sesi forum khas, pameran perbandaran mampan dan aktiviti keusahawanan (*social enterprise*), bilik perbincangan *SDG in Actions*, acara sampingan forum (*side events*) dan lab latihan (*training labs*).

Sebanyak 84 peratus daripada keseluruhan 45 rakan kerjasama strategik MUF2023 adalah melibatkan penyertaan daripada Sarawak. MUF2023 kali ini juga akan turut direkodkan sebagai acara persidangan pembangunan mampan terbesar di Malaysia, dengan melibatkan lebih daripada 280 penceramah dan ahli panel serta sebanyak 106 sesi forum dan aktiviti MUF2023 diadakan.

URBANICE Malaysia adalah sebuah pusat kecemerlangan di bawah KPKT dan merupakan **penganjur utama Malaysia Urban Forum. Kerajaan Negeri Sarawak dan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telah dilantik sebagai tuan rumah** dan penganjur bersama bagi MUF2023. Manakala pihak **Perbadanan PRIMA Malaysia** adalah **rakan utama (Main Partner) penganjuran MUF2023.**

Di samping itu juga, MUF turut mendapat sokongan daripada rakan strategik luar negara dan dalam negara seperti *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat), *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP) , *Sarawak Digital Economy Corporation Berhad* (SDEC) dan Institusi Pengajian Tinggi seperti UNIMAS, UiTM dan UIA.

Malaysia Airlines Berhad turut memberi 20 peratus diskaun melalui penerbangan ke Kuching, Sarawak yang menggunakan penerbangan MAS dan Firefly. Syarikat Grab turut menjadi rakan e-hailing dengan menyediakan *promo code* untuk setiap kali tempahan dibuat sepanjang acara MUF2023 ke Pustaka Sarawak dan Hikmah Exchange Event Centre dengan diskaun sebanyak RM3.

MUF2023 turut bekerjasama dengan '*Hotel Partners*' yang turut memberi harga penginapan yang istimewa seperti UCSI Hotel Kuching, Cove 55, Damai Lagoon Resort, Damai Beach Resort, Hotel Grand Continental, Imperial Hotel, The Meritin Hotel dan The Limetree Hotel. Selain itu, Syarikat Airbnb turut menjadi rakan penaja penginapan murah buat peserta MUF2023.

Di dalam menyokong agenda kemampanan, MUF2023 turut mengeluarkan '*Sustainability Protocol Event*' kepada semua peserta dan pembekal supaya dapat memenuhi aspirasi penganjuran MUF2023 ke arah acara tahunan yang mampan. Antara perkara yang ditekankan adalah tentang '*carbon offset*' melalui penanaman pokok, menggalakkan perkongsian kereta dan pengangkutan awam, membawa botol minuman dan bekas makanan sendiri serta mengasingkan sisa sampah di dalam dewan persidangan.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

